



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 27 JULAI 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	KPWKM BANGUNKAN ANJUNG SINAR, PUSAT TRANSIT BELIA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/992158/kpwkm-bangunkan-anjung-sinar-pusat-transit-belia	HMETRO.COM.MY
	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2210216	BERNAMA.COM
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2210215	BERNAMA.COM
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/07/935320/ministry-sets-anjung-sinar-transit-centre-young-people	NST.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	3 BERANAK CEDERA TERJUN DARI TINGKAT ATAS RUMAH TERBAKAR	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/991857/3-beranak-cedera-terjun-dari-tingkat-atas-rumah-terbakar	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	BERPUTIH MATA LABUR RM12 JUTA BALASAN RM20,000	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1131484/berputih-mata-labur-rm12-juta-balasan-rm20000	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	MURID TERPAKSA LALUI LONGGOKAN SAMPAH	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/murid-terpaksa-lalui-longgokan-sampah/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/26/sampah-depan-pintu-sekolah-murid-terseksa-hidu-bau-busuk/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	TIGA SEKELUARGA TERMASUK BAYI DUA BULAN MAUT NAHAS	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tiga-sekeluarga-termasuk-bayi-dua-bulan-maut-nahas-429738	ASTROAWANI.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1131554/berkali-kali-kucup-jenazah-bayi-lelaki-dalam-pangkuan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/bayi-antara-tiga-maut-kereta-terbalik-di-lpt2/	UTUSAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/07/26/tiga-sekeluarga-maut-dalam-kemalangan-di-lpt2/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/07/26/two-month-old-baby-two-other-family-members-killed-in-east-coast-highway-2-crash/81807	MALAYMAIL.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=512H9gBth9c	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=Tn08H0EZaXc	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=8ag2oFx8Ekl	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=CeAOXWkTFw	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
6	WARGA EMAS CEDERAKAN POLIS DENGAN PISAU PEMOTONG KERTAS DIREMAN	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/26/warga-emas-cederakan-polis-dengan-pisau-pemotong-kertas-direman/	KOSMO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/26/warga-emas-cederakan-polis-berdepan-tuduhan-cubaan-membunuh/	KOSMO.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/warga-emas-cederakan-pegawai-polis-direman-enam-hari/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
7	INISIATIF PAYUNG RAHMAH RAHMAT BUAT OKU	
	https://www.utusan.com.my/terkini/2023/07/inisiatif-payung-rahmah-rahmat-buat-oku/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	HUKUMAN 120 JAM CETUS KEINSAFAN BUAT MAT REMBIT	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1131465/hukuman-120-jam-cetus-keinsafan-buat-mat-rempit	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	LIMA BERADIK ZIARAH KUBUR IBU BAPA SETIAP HARI 'LEPAS RINDU'	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270096/edisi/kelantan/lima-beradik-ziarah-kubur-ibu-bapa-setiap-hari-lepas-rindu	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	SUNLIGHT MALAYSIA PERKASA WANITA B40 KEJAR IMPIAN KEUSAHAWANAN MENERUSI PROGRAM TANGAN-TANGAN TERER PERTAMA	
	https://siakapkei.my/2023/07/26/sunlight-malaysia-perkasa-wanita-b40-kejar-impian-keusahawanan-menerusi-program-tangan-tangan-terer-pertama/	SIAKAPKEI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	SUPP SENTIASA TERBUKA UNTUK BANTU MEREKA YANG MEMERLUKAN	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/26/supp-sentiasa-terbuka-untuk-bantu-mereka-yang-memerlukan	UTUSANBORNEO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	HAIKAL SETIA DI SISI NENEK LUMPUH	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/992110/haikal-setia-di-sisi-nenek-lumpuh	HMETRO.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/26/kanak-kanak-nekad-tolak-kerusi-roda-rosak-20km-bawa-nenek-strok-pindah-rumah/	KOSMO.COM.MY
BIL	PERKARA	SUMBER
13	PENUNTUT WANITA RUGI RM72,877 DITIPU SCAMMER	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/penuntut-wanita-rugi-rm72877-ditipu-scammer/	UTUSAN.COM.MY
BIL	PERKARA	SUMBER
14	AGC BANTAH SEMAKAN KEHAKIMAN WANITA, BATAL NAMA SEBAGAI MUALAF	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/agc-bantah-semakan-kehakiman-wanita-batal-nama-sebagai-mualaf-429833	ASTROAWANI.COM
BIL	PERKARA	SUMBER
15	PERMAISURI AGONG, WANITA PERTAMA FILIPINA LAWAT PUSAT PELAWAT ROYAL SELANGOR	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1131833/permaisuri-agong-wanita-pertama-filipina-lawat-pusat-pelawat-royal	BHARIAN.COM.MY
BIL	PERKARA	SUMBER
16	PEMBANTU KEDAI DIDENDA RM7,000 HANTAR VIDEO LUCAH KEPADA BEKAS TEMAN WANITA	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pembantu-kedai-didenda-rm7000-hantar-video-lucah-kepada-bekas-teman-wanita-429835	ASTROAWANI.COM



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
17	BOMBA SELAMATKAN BUDAK TINDIH ULAR TEDUNG	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270200/berita/semasa/bomba-selamatkan-budak-tindih-ular-tedung	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ular-tedung-susur-bawah-badan-kanakkanak-telah-ditangkap-kanakkanak-selamat-429826	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/bomba-selamatkan-kanak-kanak-baring-atas-ular-tedung/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=FymsHUCi2KI	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=mp37mY8Gfxg	YOUTUBE
	https://selangorkini.my/2023/07/ular-tedung-susur-bawah-badan-kanak-kanak-telah-ditangkap-kanak-kanak-selamat/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	USAHA PEMINDAHAN JANTUNG KANAK-KANAK BERJAYA	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/usaha-pemindahan-jantung-kanakkanak-berjaya-x8mstit	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
19	AWIS RAYQAL PERLU RM80,000 RAWAT MASALAH TULANG RAPUH	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1131688/awis-raygal-perlu-rm80000-rawat-masalah-tulang-rapuh	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
20	BAPA BERHENTI KERJA, 6 BULAN TEMAN ANAK DI HOSPITAL	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/991940/bapa-berhenti-kerja-6-bulan-teman-anak-di-hospital	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	PENIAGA MENGAKU TIDAK BERSALAH LAKUKAN AMANG SEKSUAL REMAJA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270164/berita/semasa/peniaga-mengaku-tidak-bersalah-lakukan-amang-seksual-remaja	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	TONG SAMPAH JADI REZEKI TAMPUNG ANAK OKU, ISTERI SAKIT BUAH PINGGANG	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/991980/tong-sampah-jadi-rezeki-tampung-anak-oku-isteri-sakit-buah-pinggang	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	'NALURI SAYA MENGATAKAN BAYI KAMI SUDAH TIADA'	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/991986/naluri-saya-mengatakan-bayi-kami-sudah-tiada	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1131554/berkali-kali-kucup-jenazah-bayi-lelaki-dalam-pangkuan	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	SAMUN WARGA EMAS, 'GENG SHAFIQ' TUMPAS	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/samun-warga-emas-geng-shafiq-tumpas/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

kpwkm

27/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
25	WARGA EMAS DIPENJARA 38 TAHUN BERSALAH BUNUH JIRAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1131636/warga-emas-dipenjara-38-tahun-bersalah-bunuh-jiran	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/991946/bunuh-jiran-warga-emas-dipenjara-38-tahun	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-jerut-bunuh-jiran-dipenjara-38-tahun-429792	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/270149/berita/semasa/bunuh-jiran-warga-emas-dipenjara-38-tahun	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2209974	BERNAMA.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=rLB4ST1VZWg	YOUTUBE
	https://www.sinarharian.com.my/article/270219/video/berita-semasa-video/kes-bunuh-jiran-warga-emas-dijatuhkan-hukuman-38-tahun	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	WARGA EMAS SIMPAN, JUAL LPG TANPA LESEN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270129/berita/semasa/warga-emas-simpan-jual-lpg-tanpa-lesen	SINARHARIAN.COM.MY



TAJUK : 'ISTERI HENDAK BUAT KEJUTAN BALIK KUANTAN'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 21

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'Isteri hendak buat kejutan balik Kuantan'

3 beranak maut kereta terbabas angkara jalan licin

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

Tumpat: "Isteri nak buat kejutan datang ke sini (Kuantan). Saya hanya tahu semasa mereka sekeluarga ingin bertolak," kata suami mangsa yang maut dalam kemalangan di Kilometer 375.8, Lebuhraya Pantai Timur Dua (LPT2), dekat Bukit Besi, malam kelmarin.

Zulhilmi Ismail Yahya, 23, berkata isterinya, Raja Nurhanani Nabila Raja Hussin, 23, baru selesai berpantang selepas melahirkan bayi lelaki mereka di rumah keluarga di Kampung Semat Jal, Wakaf Bharu dan ingin kembali ke rumah sewa mereka di Kuantan.

"Saya bercadang menjemputnya selepas mengundi (Pilihan Raya Negeri) nanti dan sudah memberitahu isteri, tapi tidak sangka mereka sedang dalam perjalanan ke sini (Kuantan).

"Saya tahu kejadian menimpa mereka apabila menerima panggilan daripada nombor tidak dikenali memaklumkan keluarga terabit dalam kemalangan.

"Ketika itu belum mengetahui status semua ahli keluarga, tapi naluri saya mengatakan bayi lelaki kami sudah tiada," katanya ketika ditemui di rumah mentuanya, di sini semalam.

Zulhilmi Ismail berkata, kali terakhir dia berjumpa isteri dan bayinya, Nik Muhammad Zayyan Irfan yang berusia dua bulan, pada Aidiladha lalu.

Walaupun berjaualan, mereka sering berhubung menerusi panggilan video, namun menyedari perubahan beberapa hari ini apabila isterinya tidak menghubunginya secara kerap seperti biasa.

"Jika sebelum ini, isteri akan buat panggilan video beberapa kali setiap hari tapi kebelakangan ini semakin jarang, namun saya tidak mengesyaki apa-apa.

"Isteri juga sangat teruja untuk pulang ke rumah sewa kami dan sempat menunjukkan gambar barangan yang sudah siap dikemas untuk dibawa pulang," katanya.

Dua lagi cedera

Nahas yang berlaku jam 7.15 malam tadi turut menyorbankan ibu Raja Nurhanani Nabila iaitu Noreha Mohamed, 53, manakala dua lagi adiknya, Raja Haikal Najmi, 20, dan Raja Nurhumalraa Nadzirah, 13, cedera.

Sementara itu, Raja Nurhumalraa berkata, kejadian berlaku sekelip mata apabila kereta yang dipandu Raja Haikal terba-

bas kerana jalan agak licin disebabkan hujan.

"Kejadian berlaku sangat pantas dan sebaik saya membuka mata, saya melihat ahli keluarga lain berada di luar kereta seolah-olah tercampak, malah anak saudara (Nik Muhammad Zayyan) pula di dalam longkang.

"Dalam keadaan kesakitan akibat patah tulang bahu saya menerpa ke arah abang sebelum menghampiri mak serta kakak tapi mereka sudah terbaring kaku," katanya.

Sementara itu jenazah tiga beranak itu selamat dikuburkan dalam satu liang di Tanah Perkuburan Islam Kubur Kebatu, Mukim Morak, dekat sini, kira-kira jam 11 pagi semalam.

Suasana hiba menyelubungi tanah perkuburan itu dengan Zulhilmi Ismail, dilihat berkali-kali mengucup jenazah bayi lelaki di pangkuannya sebelum diturunkan ke liang lahad.

Ibu Noreha, Rahimah Mamat, 80, berkata dia reda dengan kehilangan anak, cucu dan cicitnya sekali gus dalam tragedi itu.

"Baru sebulan lalu suami meninggal dunia, kali ini saya dituji dengan anak, cucu dan cicit yang maut serentak dalam tragedi yang menyayat hati.

"Saya tahu mengenal kejadian beberapa jam selepas berlaku dan memang sangat terkejut. Kami reda dengan takdir dan menganggap masa mereka sudah sampai," katanya.



Keadaan kereta dinaiki tiga sekeluarga yang meninggal dunia dalam kemalangan di LPT2 dekat Bukit Besi. (Foto JBPM Terengganu)



Zulhilmi membawa jenazah bayi lelakinya berusia dua bulan untuk dikuburkan di Tanah Perkuburan Islam Kubur Kebatu, Mukim Morak, Tumpat, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)



TAJUK : IBU BAPA PERLU PANTAU ELAK ANAK TONTON PORNOGRAFI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 25

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu bapa perlu pantau elak anak tonton pornografi

Ketagihan lihat bahan lucah beri kesan buruk kepada psikologi remaja

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Remaja yang terdedah tontonan video atau melihat gambar pornografi ketika di bangku sekolah berisiko mempengaruhi rakan sebaya untuk menonton bersama atau menjadikan adik di rumah sebagai tempat memuaskan nafsu.

Pakar psikologi dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr Fauziah Mohd Saad, berkata kecenderungan menonton pornografi itu juga menimbulkan keinginan awal melakukan sendiri perbuatan

seksual sekali gus menjerumuskan seks luar nikah.

"Memang benar ramai remaja pernah melihat atau menonton video pornografi dan mereka gemar berkongsi sesama rakan dan berani melihatnya secara berkumpulan.

"Keseronokan itu akan membangkitkan keinginan mencuba dan tanpa pendidikan seks mereka cenderung melakukan hubungan dengan rakan sekelas, adik di rumah kerana dalam fikirannya mahu meniru perbuatan video.

"Akibat keinginan itu, tanpa sedar kehidupan aktif seks bermula pada usia tidak sepatutnya, membawa peningkatan kes hamil luar nikah yang bertentangan budaya timur," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kajian akademik yang dijalankan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2021 mendapati kira-kira 75 peratus daripada remaja di negara ini dikesan pernah menonton vi-



deo atau melihat gambar pornografi.

Kesan psikologi buruk

Kebanyakan remaja itu adalah lelaki dan terbabit sejak awal persekolahan menengah, sekali gus berisiko terjebak dengan gejala seks bebas dan dijangkiti penyakit kelamin.

Fauziah berkata, ketagihan pornografi itu mempunyai kesan psikologi buruk dengan pelakunya cenderung mengalami ketagihan menonton, beronani, melampiaskan nafsu dengan pasangan dan aktif seksual itu akan membelenggu kehidupan dewasa.

"Ketagihan itu akan menjejaskan

kan tumpuan terhadap tugasnya sebagai pelajar atau hilang fokus kepada kerja kerana dalam fikiran hanya melakukan seks atau menonton pornografi.

"Hal ini akan membawa kepada depresi, tekanan, membentuk personaliti panas baran, pedofilia yang akan mengakibatkan trauma seksual kepada pihak lain," katanya.

Sebagai usaha membendung tabiat pornografi, beliau berkata, semua pihak perlu memainkan peranan aktif seperti menekankan pendidikan seks di rumah, memperbanyakkan sesi kaunseling, program jauhi zina serta tanggungjawab ibu bapa mengambil peduli mengenai anak.

"Sebelum ini di sekolah serta di institusi pengajian tinggi ada program kesedaran seperti 'Anak Bijak, Jauhi Zina' yang mana ia mendekati remaja untuk memahami implikasi hamil luar nikah, pengaruh seks terhadap psikologi dan kesan buruk jangka panjangnya.

"Selain itu, guru kaunselor

"Ketagihan itu akan menjejaskan tumpuan terhadap tugasnya sebagai pelajar atau hilang fokus kepada kerja kerana dalam fikiran hanya melakukan seks atau menonton pornografi"

Fauziah Mohd Saad,
Pakar psikologi dari UPSI



perlu aktif memberikan perkhidmatan kaunseling untuk memberikan kesedaran kepada pelajar mengenai kesan buruk pornografi yang boleh merosakkan diri remaja dan orang sekelilingnya.

"Pada masa sama, ibu bapa perlu bertegas dalam mendidik anak, di samping mereka seperti perlu tahu kata laluan dan memeriksa peranti pintar anak supaya anak tidak bebas menerokai dunia internet tanpa sempadan," katanya.



TAJUK : LELAKI WARGA EMAS BUNUH JIRAN KENA PENJARA 38 TAHUN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Lelaki warga emas bunuh jiran kena penjara 38 tahun

Ipoh: Seorang lelaki warga emas dijatuhi hukuman penjara 38 tahun oleh Mahkamah Tinggi, di sini semalam selepas didapati bersalah membunuh jirannya yang juga wanita warga emas, tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Abdul Wahab Mohamed menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamad Shaharudin Zakaria, 68, bermula dari tarikh tertuduh ditahan pada 4 Mei 2020 selepas pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Mengikut pertuduhan, Mohamad Shaharudin Zakaria, didakwa dengan sengaja menyebabkan kematian Zaharah Khalid yang ketika kejadian berusia 77 tahun di sebuah rumah di Kampung Pasir Panjang Laut, Seri Manjung, kira-kira jam 8 malam pada 3 Mei 2020.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Liyana Zawani Mohd Radzi, manakala tertuduh diwakili peguam M Saravanan.

Terdahulu, seorang anak mangsa, Hawa Isa, 48, memberi akuan bersumpah di kandang saksi mahkamah, meminta mahkamah menjatuhkan hukuman setimpal kepada tertuduh yang disifatkan membunuh ibunya secara kejam.

Pijak mangsa

Dalam rayuan bagi meringankan hukuman anak guamnya, Saravanan berkata, pembunuhan Zaharah bukan pembunuhan terancang memandangkan berdasarkan kes pendakwaan, menyatakan tertuduh memijak mangsa beberapa kali sebelum membawa mayat Zaharah menggunakan kereta sorong lalu meninggalkan mayat itu di sebuah

parit, selain tertuduh tidak menggunakan sebarang senjata tajam bagi menetak mangsa.

Permintaan meringankan hukuman itu dibuat susulan pemansuhan hukuman mati mandatori yang telah diluluskan oleh Parlimen dan sudah diwartakan termasuk bagi kesalahan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Sepanjang perbicaraan berlangsung sejak Ogos 2021 lalu, seramai 13 saksi pendakwaan dipanggil, manakala hanya seorang saksi pembelaan iaitu tertuduh sendiri dipanggil sepanjang perbicaraan.

Abdul Wahab dalam penghakimannya berkata, mahkamah sudah memberi pertimbangan ke atas pernyataan impak mangsa berdasarkan fakta kes serta disaksikan hujahan kedua-dua pihak dan selepas memberi pertimbangan ke atas faktor sama ada bagi memberatkan ataupun meringankan hukuman berlandaskan prinsip perundangan berkaitan hukuman.

“Maka mahkamah menginginkan hukuman penjara selama 38 tahun bermula tarikh tangkapan tertuduh dan tiada hukuman rotan (sebat) dikenakan berikutan tertuduh sudah melebihi usia 50 tahun,” kata Abdul Wahab.

Pada 4 Mei 2020, media melaporkan seorang lelaki dipercayai memukul dan memijak wanita yang juga warga emas sehingga maut sebelum membuang mayatnya dalam parit dalam kejadian di Kampung Pasir Panjang, Sitiawan.

Mayat wanita itu ditemui anggota polis dalam keadaan separuh tenggelam pada jam 2 pagi selepas pihak polis menerima laporan kehilangan mangsa yang tidak pulang ke rumah selepas keluar bersendirian dengan menunggang motosikalnya.



TAJUK : PU AZMAN MINTA SEKS ORAL: SAKSI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 20

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

PU Azman minta seks oral: Saksi

Remaja dedah perlakuan tak senonoh kepada bekas guru

Oleh Ahmad Hasbi
bhnews@bh.com.my

Seremban: Perbicaraan kes amang seksual membabitkan Pencetus Ummah (PU) Azman pada hari ketiga mendengar hujahan saksi ketujuh yang memberitahu pendakwah itu pernah melakukan perbuatan seks oral terhadap mangsa kedua.

Saksi ketujuh, bekas guru kepada mangsa dan juga ibu kepada seorang lagi mangsa memaklumkan perkara itu di hadapan Hakim Datin Surita Budin di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam.

Wanita berusia 46 tahun memberitahu mahkamah, perkara itu diceritakan sendiri remaja lelaki berkenaan yang kini berusia 18 tahun dalam satu pertemuan tahun lalu.

"Seingat saya apa yang mangsa cerita pada saya, PU Azman yang meminta menghisap kemaluan mangsa sehingga mangsa mengeluarkan air maninya.

"Mangsa juga berkata yang dia diminta untuk bercium dengan PU Azman," katanya, semalam.

Wanita itu menjelaskan, beliau lebih mempercayai mangsa kerana tidak pandai berbohong dengan gurunya dan yakin apa diceritakan remaja itu betul.

Dalam pada itu, beliau juga mendedahkan yang anaknya turut menjadi mangsa kepada terduduh ketika penceramah terbabit datang ke rumahnya.

"Ketika kejadian, saya ada di rumah anak saudara tapi anak saya beritahu tentang kejadian



PU Azman ketika hadir dalam perbicaraan di Mahkamah Mahkamah Sesyen Seremban, semalam.

(Foto Azrul Edham/BH)

seksual berlaku dan mendesak saya balik.

"Pada mulanya, saya tak percaya apa dikatakan anak dan pada masa sama tidak percaya juga yang PU Azman akan melakukan perkara itu," katanya.

Saksi percaya cakap anak

Bagaimanapun, katanya, dia lebih mempercayai anaknya berbanding PU Azman dan disebabkan itu membuat keputusan untuk terus pulang ke rumah.

Katanya, selepas kejadian itu, anaknya memberitahu seorang rakannya menjadi mangsa seksual dan diperlakukan lebih teruk.

Wanita itu mendedahkan terduduh pernah menghubunginya dan bertanya mengenai individu yang ada dalam satu gambar, iaitu remaja lelaki berkenaan.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurul Balkis Zunaidi, Husni Fairoz


Ramly dan Goh Hsiao Tung, manakala tertuduh diwakili peguam Mohamad Zahid Ahmad, Fahmi Adilah dan Norman Mohd Nasir.

Seramai 26 orang saksi dijangka akan dipanggil sepanjang kes perbicaraan yang bermula pada 24 Julai lalu.

Pada 12 Oktober 2022, PU Azman didakwa atas lima pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja lelaki pada Februari dan Julai tahun lalu.

Berdasarkan pertuduhan, terduduh melakukan amang seksual fizikal ke atas mangsa remaja lelaki berusia 16 dan 17 tahun dengan cara melakukan perbuatan kelucuan melampau.

Kesalahan berkenaan dilakukan di tandas dan ruang tamu sebuah rumah di Taman Tiara Sendayan di Nilai pada 6 Julai tahun lalu.



TAJUK : SUAMI ISTERI TERLEPAS HUKUMAN GANTUNG

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 20

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Suami isteri terlepas hukuman gantung

Ipoh: Sepasang suami isteri terlepas hukuman gantung sampai mati selepas Mahkamah Tinggi Ipoh, di sini semalam menetepkan sabitan salah terhadap pertuduhan mengedar 19.90 gram (g) dadah, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Yasmi Mohammad Yasin, 48, dan isterinya, Rossuhili Ikhsan, 47, diputuskan untuk dilepas dan dibebaskan atas pertuduhan berkenaan selepas pihak pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie ke atas pertuduhan yang dihadapi pasangan itu.

Keputusan itu dibuat Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Abdul Wahab Mohamed di akhir kes pendakwaan selepas mempertimbang pendakwaan terhadap tertuduh dan memperhalusi penghujahan bertulis pembelaan di peringkat akhir pendakwaan.

Sejurus keputusan itu dibacakan, pasangan suami isteri itu dilihat saling berpelukan, selain Rossuhili yang selepas itu keluar dari kandang tertuduh dilihat menangis berpelukan dengan ahli keluarganya, termasuk dua anak pasangan itu yang hadir


mendengar keputusan mahkamah hari ini.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Saifulakmal Mod Said, manakala tertuduh diwakili peguam Mohamad Hafiz Jalaludin.

Berdasarkan kertas pertuduhan, suami isteri itu didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 10.9 gram heroin serta 9.0 gram monoacetylmorphines di rumah beralamat di No. 16, Jalan Melati, Kg Sri Klebang, Chemor, di sini, kira-kira jam 7 malam 27 September 2020.



Muhammad Yasmi dan Rossuhili bebas tuduhan mengedar 19.90 gram dadah di Mahkamah Tinggi Ipoh, semalam. (Foto L.Manimaran/BH)



TAJUK : TUTUP KEDAI RUNCIT, BUKA PERNIAGAAN CUCI KARPET

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 25

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Tutup kedai runcit, buka perniagaan cuci karpet

Gua Musang: Pernah gagal dalam perniagaan kedai runcit yang diusahakan selama sembilan tahun, seorang ibu muda tidak patah semangat untuk mencuba dalam perniagaan baharu bagi memastikan terus survival dalam kehidupan.

Justeru, Nurul Anis Ayob, 35, menukar perniagaan berasaskan perkhidmatan mencuci permaidani dan dalaman kenderaan.

Sehingga kini perniagaan diusahakan bersama suami, Zamri Muhamad, 37, sejak lima tahun lalu itu menjadi punca rezeki bagi menampung keluarganya.

Menurut Nurul Anis, selepas menutup perniagaan kedai runcit, mereka sekeluarga hilang punca pendapatan.

Katanya, bagi mengumpul modal untuk memulakan kembali perniagaan mereka, dia

melakukan pelbagai pekerjaan termasuk menjadi ejen produk penapis air, selain membantu rakan dalam perniagaan.

"Kedai runcit yang diusahakan kami ditutup pada 2018 selepas sembilan tahun beroperasi. Ia adalah perniagaan pertama kami, namun terpaksa ditutup kerana masalah kewangan.

"Tahun 2019 kami memulakan perkhidmatan mencuci permaidani untuk kediaman dan karpet kenderaan dengan bantuan seorang rakan yang sudi memberi tunjuk ajar.

"Pada awal pembukaan perniagaan ini, dengan menggunakan duit yang terkumpul kami memerlukan perniagaan bermodalkan RM5,000 untuk membeli satu mesin dan penyedut hampagas serta sabun pencuci," katanya ketika ditemui di rumahnya di Bandar Utama



Nurul Anis bersama suaminya melakukan kerja mencuci karpet di rumahnya di Bandar Utama Gua Musang. (Foto Paya Linda Yahya/BH)

Gua Musang, di sini.

Menurut Anis, pada peringkat awal pembabitannya dalam perniagaan itu, dia bersama suami melakukan perkhidmatan pembersihan dalaman kenderaan dari rumah ke rumah.

Tawar khidmat dari rumah

Katanya dia mengambil inisiatif itu supaya perkhidmatan yang disediakan lebih dikenali pelanggan di sekitar daerah ini.

"Perkhidmatan pembersihan dalam kenderaan adalah perkara baharu bagi penduduk di sekitar bandar ini, jadi kami terpaksa mengambil inisiatif

menawarkan pembersihan kenderaan dari rumah ke rumah.

"Manakala bagi pembersihan karpet kami akan membuat kutipan dari rumah ke rumah bagi pelanggan di sekitar bandar ini. Selepas selesai mencuci kami akan membuat penghantaran.

"Bagi pelanggan di luar bandar ini kebanyakan pelanggan akan menghantar sendiri di rumah kami dan selepas siap akan dimaklumkan untuk diambil," katanya.

Anis berkata, selepas lima tahun menceburkan diri dalam perniagaan terbabit, perkhid-

matan yang disediakan semakin dikenali pelanggan.

"Apabila menjelang hari perayaan, kami tak menang tangan mencuci karpet pelanggan, namun cuaca panas sejak beberapa bulan ini banyak membantu dalam perniagaan kami.

"Sehari kami dapat membersihkan 10 hingga 15 permaidani saiz biasa dan lima hingga tujuh karpet.

"Harga ditawarkan sangat bergantung kepada jenis karpet yang dihantar pelanggan antara RM10 hingga RM120," katanya yang dibantu suami dan seorang pekerja.



TAJUK : USIKAN MANJA DI TEMPAT KERJA MELARAT JADI GANGGUAN SEKSUAL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Usikan manja di tempat kerja melarat jadi gangguan seksual

Mohd Zaini Othman
Universiti Sains Islam Malaysia

Gangguan seksual di tempat kerja kebiasaannya bermula daripada alasan sekadar usikan manja, namun apabila terus dibiarkan semakin melarat sehingga menimbulkan ancaman keselamatan kepada mangsa.

Menurut kajian terhadap 262 orang wanita, 75 peratus mengakui gangguan seksual di tempat kerja berupaya mempengaruhi produktiviti mereka. Bukan itu sahaja, mereka juga takut dan rasa tidak selamat di tempat kerja.

Di Malaysia, maklumat mengenai gangguan seksual adalah tidak menyeluruh, tetapi isu ini sering dibincangkan dalam media massa dan forum. Jika merujuk Pekeliling Perkhidmatan Bilangan kelima Tahun 2018: Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Tempat Kerja, gangguan seksual ditakrifkan sebagai sebarang kelakuan berunsur seksual yang tidak diingini sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, psikologi atau fizikal hingga menyebabkan seseorang berasa tersinggung, terhina atau rasa diugut.

Gangguan seksual boleh terjadi kepada sesiapa sahaja, tetapi secara dominannya dialami wanita. Kajian pada 2001 menunjukkan antara 42 hingga 70 peratus pekerja wanita di negara ini pernah mengalami gangguan seksual.

Lebih menyedihkan sebahagian besar mangsa tidak membuat laporan kepada pihak atasan atau

agensi penguatkuasaan berkaitan disebabkan malu, trauma dan mahu menjaga maruah.

Gangguan seksual adalah perlakuan tidak bermoral dan tidak seharusnya dipandang enteng atau dibiarkan kerana memberi kesan negatif kepada mangsa seperti trauma, fobia, ketakutan, selain menjejaskan rutin harian. Ia juga boleh menjejaskan produktiviti dan keberhasilan kerja mangsa serta memberi reputasi serta imej buruk kepada majikan terbabit.

Akta kawal selia kesalahan


Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) diwartakan secara rasmi pada 18 Oktober 2022 pasti melegakan masyarakat kerana isu ini sudah menemui noktahnya. Ia digubal sejak 2011 dan memang akta yang sekian lama ditunggu-tunggu kerana selama ini tiada undang-undang khas di Malaysia untuk mengawal selia kesalahan berkenaan gangguan seksual. Masalah gangguan seksual adalah rahsia umum, tetapi tidak mudah untuk ditangani sejak sekian lama.

Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, penguatkuasaan Akta 840 akan dilakukan secara berperingkat mulai tahun ini dengan memfokuskan dahulu takrifan gangguan seksual, elemen kesedaran dan pencegahan mengenai hal itu kepada masyarakat. Ia turut mengambil kira kepentingan mendidik dan

meningkatkan pemahaman serta kesedaran rakyat mengenai betapa seriusnya isu gangguan seksual sebelum akta ini dikuatkuasakan sepenuhnya.

Namun, tanpa menunggu akta ini dikuatkuasakan sepenuhnya, pencegahan paling ampuh adalah kawalan sendiri semasa bergaul dan berinteraksi di tempat kerja. Semoga selepas ini gangguan seksual tidak terus dibiarkan dan mangsa pula usah lagi takut untuk ke depan.





TAJUK : BUAH PINGGANG KIRI UNTUK ISTERI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

lokal



MOHAMAD Al Bukhari dan Nurul Hasanah bergambar kenangan sebelum masuk ke dalam bilik bedah.



Oleh Redzuan Muharam
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

“Isteri berhak hidup sihat seperti orang lain. Sebagai suami, saya nak dia hidup bahagia,” kata Mohamad Al Bukhari Ellia atau mesra disapa Bukhari.

Bukhari, 25, mendapat tumpuan ramai kerana kesudiannya mendermakan buah pinggang kiri kepada isteri, Nurul Hasanah Salim, 31, menerusi prosedur transplan, 12 Mei lalu.

Hasil ikhtiarnya dan dengan izin Allah, Nurul Hasanah kini tidak lagi menderita akibat penyakit buah pinggang.

Berkongsi kisahnya, Bukhari berkata, dia diijabkabulkan dengan Nurul Hasanah pada 25 September 2020 dan hanya dapat menjalani kehidupan normal sebagai pasangan suami isteri selama seminggu sebelum isterinya dikejarkan ke hospital akibat komplikasi teruk pada buah pinggang.

Bukhari mengakui sedih

Buah pinggang kiri untuk isteri

Suami sudi derma organ ingin pasangan hidup bahagia

dan terkesan dengan keadaan isterinya itu namun cuba berlapang dada dengan menganggap ia sebagai ujian Allah SWT.

Demi menyelamatkan nyawa Nurul Hasanah, Bukhari mengikut saranan doktor dengan menjadi penderma buah pinggang kerana enggan isterinya terus melakukan rawatan dialisis.

“Dulu saya bekerja sebagai juruteknik perkhidmatan cucian namun ambil keputusan berhenti kerja kira-kira dua bulan selepas berkahwin.

“Saya kemudian berniaga keropok lekor atas jenama sendiri, Hasbuq Lekor kerana nak beri tumpuan kepada isteri dan menemani-

nya ke pusat dialisis.

“Ikutkan kami tak sempat pergi berbulan madu kerana selepas seminggu kahwin, isteri tunjukkan simptom badan berasa sejuk, tak larat, menggigil dan nak muntah.

“Hasil pemeriksaan awal ujian darah yang dilakukan oleh isteri menunjukkan keputusan tidak normal, kemudian doktor sahkan dia ada masalah buah pinggang kerana organnya itu mengecut dengan fungsi hanya lima peratus saja.

“Doktor kata kalau nak hidup normal kena dapatkan buah pinggang daripada penderma hidup atau mati otak, jadi saya tawarkan diri (untuk jadi penderma) dan teruskan hasrat itu selepas berbincang serta dapat restu keluarga,” katanya ketika di-

hubungi Harian Metro, semalam.

Menurutnya, ada juga segeintir pihak yang mempersoalkan keputusannya namun dia nekad kerana sudah berfikir panjang dan mempertimbangkan kesannya.

Meskipun perlu menunggu dua tahun untuk menjalani transplan buah pinggang, Bukhari bersyukur kerana layak menjadi penderma selepas melepasi saringan ditetapkan malah puas dapat membantu insan tercinta.

“Ramai juga tanya dengan saya mengapa saya nak dermakan buah pinggang dan tak takut ke memandangkan masih muda.

“Tujurnya memang gementar kerana ia soal hidup

dan mati malah saya sampai tulis wasiat tetapi cekalkan hati demi isteri.

“Lagipun organ yang saya ada itu adalah pinjaman Allah SWT, jadi apa salahnya derma buat isteri yang memerlukan.

“Dua kali juga pemindahan buah pinggang itu hampir gagal kerana komplikasi ketika cuba masukkan organ ke saluran pundi namun akhirnya berjaya.

“Cuma isteri ditidurkan selama dua hari selepas prosedur itu,” katanya yang mencari rezeki di Tapak Gerbang Malam, Pusat Bandar Bagan Serai, Perak.

Menceritakan perkembangan terkini, Bukhari berkata, keadaan isterinya bertambah baik dan kini men-

Dua kali juga pemindahan buah pinggang itu hampir gagal kerana komplikasi ketika cuba masukkan organ ke saluran pundi.


jalani rawatan susulan di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

Dia juga dalam usaha menjaga pemakanan dan tidak terlalu aktif dengan aktiviti lasak seperti disyorkan doktor.

Berhubung perkongsian di TikTok, Bukhari tidak menyangka video dimuat naiknya akan dapat perhatian netizen hingga tular dan meraih hampir sejuta tontonan.

“Bagi saya, transplan buah pinggang satu prosedur biasa memandangkan ramai lagi di luar sana buat yang sama dan niat kongsi video di TikTok adalah untuk jadian kenangan.

“Tak sangka akan tular malah ramai tonton video itu luahkan rasa sedih dan mendoakan selain DM (hantar kiriman mesej),” katanya.



TAJUK : MIENGAKU CEDERA BAPA GUNA PISAU

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Mengaku cedera bapa guna pisau

Melaka: Penganggur mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam atas pertuduhan mencederakan bapanya menggunakan pisau minggu lalu.

Muhamad Azmizal Ahmad, 28, membuat pengakuan itu sejurus dibacakan pertuduhan oleh jurubahasa di hadapan Hakim Ele-sabet Paya Wan.

Mengikut pertuduhan, dia didapati dengan sengaja menyebabkan kecederaan pada jari tangan kanan, telinga kiri, bahu dan dada sebelah kiri bapanya, Ahmad Adam, 68, dengan menggunakan pisau.

Perbuatan itu dilakukan di ruang dapur rumah mereka di Lot 1138, Sungai Air Hitam B, Kampung Air Hitam, Tanjung Minyak di sini, 20 Julai lalu, kira-kira jam 4-45 pagi.

Dia dituduh mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksamaan dan dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun atau dengan denda atau sebat atau dengan mana-mana dua daripada hukuman itu, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan siasatan polis, kejadian berlaku selepas tertuduh berang apabila bapanya menasihatinya supaya tidak menghidu gam yang menjadi antara punca penagihan dadah.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Nazrin Ali Rahim tidak menawarkan sebarang jaminan.

Mahkamah menetapkan 12 September ini untuk fakta dan hukuman terhadap tertuduh yang tidak diwakili peguam.

Tertuduh berang bapa nasihat tidak menghidu gam



MUHAMAD Azmizal mengaku mencederakan bapa kandung dengan pisau minggu lalu. Gambar NSTP/Meor Riduwan Meor Ahmad



TAJUK : MINTA MANGSA CIUM, BUAT AMANG SEKSUAL

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



FIRDAUS Wong hadir dalam perbicaraan PU Azman di Mahkamah Sesyen Seremban semalam. - Gambar NSTP/AZRUL EDHAM

BICARA KES PU AZMAN

Minta mangsa cium, buat amang seksual

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Saksi kelapan perbicaraan kes amang seksual membabitkan pendakwah selebriti, Azman Syah Alias atau PU Azman pada prosiding perbicaraan hari ketiga di Mahkamah Sesyen Seremban semalam, mendedahkan dia merujuk kejadian itu kepada pendakwah, Firdaus Wong Wai Fung.

Penceramah bebas, Ustazah Isfadhiah Mohd Dasuki, 52, memberitahu mahkamah, dia meminta bantuan Firdaus Wong kerana pendakwah itu boleh dipercayai dan mempunyai hubungan baik dengan pihak berkuasa.

Katanya, dia perlu memilih saluran yang betul untuk membuat aduan memandangkan tertuduh mempunyai nama besar dan sekiranya tidak membantu, berisiko untuk mengaibkan PU Azman.



Seorang daripada mangsa memberitahu, dia kena lebih teruk. PU Azman memegangnya secara fizikal yang tidak sepatutnya dilakukan mana-mana lelaki atau ayah"

Isfadhiah Mohd Dasuki

"Dia (Firdaus Wong) jenis orang yang ada connection dengan peguam, pihak berkuasa, dia berani, tahu cara kalau buat aduan dia akan semak semula sama ada betul atau main-main.

"Saya letakkan sudut kepercayaan kepada Brother Wong (Firdaus Wong) untuk bantu kami," katanya.

Isfadhiah memaklumkan, sebelum ini, dia pernah meminta bantuan Firdaus Wong dalam kes membabitkan pendakwah scammer se-

lain bekerjasama dalam misi membantu mangsa banjir.

Tambahnya, sebagai penceramah, dia bertanggungjawab untuk membantu mangsa yang terbabit dalam kes amang seksual PU Azman.

"Betul mangsa boleh terus buat laporan polis, tetapi saya tahu yang dituduh ini ada nama dan pengaruh besar, saya tidak mahu mengaibkan mana-mana pihak.

"Saya perlu pilih saluran atau pegawai polis yang betul agar perkara ini tidak tersebar," katanya yang mengenali PU Azman dalam program ceramah yang pernah disertai mereka.

Dalam keterangannya, Isfadhiah memaklumkan perbuatan dilakukan PU Azman diketahui dalam perjumpaan bersama empat mangsa lelaki, termasuk guru mereka, di sebuah biliktertutup di Shah Alam Convention Centre (SACC) di Shah Alam, Selangor pada Ogos 2022 yang turut disertai Firdaus Wong.

"Seorang daripada mang-

sa memberitahu, dia kena lebih teruk. PU Azman memegangnya secara fizikal yang tidak sepatutnya dilakukan mana-mana lelaki atau ayah.

"Saya tidak suka cerita secara terperinci, PU Azman menggalakkan yang meminta dicium dan melakukan amang seksual," katanya.

Tambah beliau, dalam tempoh seminggu kemudian, mereka berjumpa sekali lagi di sebuah hotel di Shah Alam bagi memaklumkan kepada ibu bapa mangsa untuk tindakan lanjut.

Firdaus Wong dijangka akan dipanggil sebagai saksi bersama mangsa pada perbicaraan yang disambung hari ini.

Pendakwaan kes dikenalalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurul Balkis Zunaidi, Husni Fairros Ramly dan Goh Hsiao Tung manakala tertuduh diwakili peguam, Mohamad Zahid Ahmad, Fahmi Adilah dan Norman Mohd Nasir.



TAJUK : PASANGAN SUAMI ISTERI TERLEPAS HUKUMAN MATI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



MUHAMMAD Yasmi dan Rossuhili dilepaskan daripada tuduhan mengedar dadah tiga tahun lalu.

Pasangan suami isteri terlepas hukuman mati

Ipoh: Sepasang suami isteri terlepas hukuman gantung sampai mati selepas Mahkamah Tinggi Ipoh di sini, semalam mengetepikan sabitan salah terhadap pertuduhan mengedar 19.90 gram (g) dadah, tiga tahun lalu.

Tertuduh, Muhammad Yasmi Mohammad Yasin, 48, dan isterinya, Rossuhili Ikh-san, 47, dilepas dan dibebaskan selepas pihak pendakwa gagal membuktikan kes prima facie ke atas

» INFO

Suami isteri itu didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 10.9g heroin serta 9.0g monoacetylmorphines di rumah beralamat di No 16, Jalan Melati, Kg Sri Klebang, Chemor, di sini kira-kira jam 7 malam 27 September 2020.

pertuduhan yang dihadapi pasangan itu.

Keputusan berkenaan dibuat Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Abdul Wahab Mohamed selepas mempertimbangkan pendakwaan terhadap tertuduh dan memperhalusi penghujahan bertulis.

Sejurus keputusan itu dibacakan, Rossuhili keluar dari kandang tertuduh dilihat menangis berpelukan dengan individu lain diper-

cayai ahli keluarganya termasuk dua anak pasangan itu yang turut hadir mendengar keputusan mahkamah.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Saifulakmal Mod Said manakala tertuduh diwakili peguambela, Mohamad Hafiz Jalaludin.

Berdasarkan kertas pertuduhan, suami isteri berkenaan didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 10.9

gram heroin serta 9.0 gram monoacetylmorphines di rumah beralamat di No 16, Jalan Melati, Kg Sri Klebang, Chemor, di sini kira-kira jam 7 malam 27 September 2020.

Pertuduhan dibaca mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 39B(2) Akta yang sama dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.



TAJUK : PETANDA NAK 'PERGI'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 06

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



KEADAAN kereta yang terbabat dalam kemalangan yang mengorbankan tiga beranak di LPT2, petang kelmarin.

TIGA BERANAK MAUT NAHAS

Petanda nak 'pergi'

Isteri enggan ke majlis kahwin beritahu mahu ke tempat 'lebih jauh'

Oleh Rosli Ilham dan
Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Dungun

Seorang lelaki tidak menyangka keengganan isteri menghadiri majlis perkahwinan dengan alasan mahu pergi ke tempat 'lebih jauh' menjadi petanda mereka akan berpisah selama-lamanya.

Raja Hussin Raja Abdullah, 60, berkata, beberapa hari lalu dia menghubungi isterinya dan mengajak menghadiri majlis perkahwinan di Kelantan bulan depan.

"Dia jawab tak nak pergi kerana dia nak pergi berjalan ke tempat lebih jauh. Saya tanya jauh tu di mana. Namun dia jawab sangat jauh dan tak boleh nak cerita."

"Saya tidak sangka perkataan pelik diluahkan isteri itu membawa makna dia akan pergi meninggalkan saya buat selama-lamanya," katanya.

Selain isteri, Noreha Mohamed, 53, Raja Hussin turut kehilangan anak, Raja Nurhanani Nabila, 23, dan cucu, Nik Muhammad Zayyan Irfan Zulhilmi Ismail berusia dua bulan dalam kemalangan maut di Kilometer 375.8, Lebuhraya Pantai



JENAZAH Noreha ketika dibawa ke Bilik Forensik Hospital Dungun untuk siasatan lanjut.

Timur Dua (LPT2), dekat Bukit Besi, petang kelmarin.

Mangsa berasal dari Kampung Semat Jal, Wakaf Bharu, Kelantan dalam perjalanan ke Kem Batas 10, Kuantan, Pahang.

Raja Hussin berkata, dia mengetahui kejadian itu selepas menerima panggilan dari orang awam memaklumkan ahli keluarganya terbabat dalam kemalangan.

"Saya terima panggilan kira-kira jam 7.15 malam.

Ketika itu saya sedang bersiap untuk solat Maghrib sebelum masuk bekerja syif malam.

"Saya minta tolong rakan berpegas ke tempat kejadian. Saya amat sebak melihat mayat isteri dan cucu bermandi darah," katanya.

Katanya, tiga jam selepas itu, dia sekali lagi mendapat panggilan yang memaklumkan anaknya, Raja Nurhanani pula meninggal dunia ketika menerima rawatan di Hospital Hulu Terengganu.

"Ketika kejadian, saya

yang berkerja kontrak di Kawasan Industri Kerthel Kemaman berada di rumah sewa di Paka Dungun.

"Selain mereka, dua lagi anak saya, Raja Haikal Najmi, 20, yang memandu kereta dan Raja Nurhumaira Nadzirah, 13, turut parah dalam bertugas itu.

"Mereka nak hantar Raja Nurhanani bersama bayi sulungnya yang baru habis pantang ke sana kerana suami Raja Nurhanani, seorang anggota tentera dan bertugas di sana," katanya.

Raja Hussin berkata, dia menerima panggilan daripada isterinya yang memaklumkan untuk bertolak ke Kuantan, Pahang pada hari kejadian.

"Saya sempat berpesan supaya berhati-hati sepanjang perjalanan itu. Isteri memaklumkan selepas menghantar anak dan cucu saya di Kuantan, dia dan anak yang lain akan singgah dan bermalam di rumah sewa saya di Paka.

"Dia nak singgah memandangkan kami sudah lama tidak bertemu dan kali terakhir pertemuan kami pada Aidiladha lalu," katanya yang demam sejak beberapa hari lalu dan tidak boleh tidur.

Mangsa dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Semak Jal, di sini.

Reda hilang anak, cucu, cicit sekali gus

Tumpat: "Baru sebulan lalu suami meninggal dunia. Kali ini saya diuji lagi dengan kehilangan anak, cucu dan cicit yang maut serentak dalam tragedi menyayat hati ini," ujar Rahimah Mamat, 80.

Rahimah berkata, dia reda dengan ujian berat di-lalui itu.

"Saya tahu mengenai kejadian ini beberapa jam se-

lepas ia berlaku...memang sangat terkejut. Kami reda dengan takdir dan menganggap masa mereka sudah sampai," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Semat Jal di sini, semalam.

Jenazah tiga beranak selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kubur Kebatu, Mukim Morak, di sini, jam 11 pagi semalam.

'Isteri nak buat kejutan datang ke sini'

Tumpat: "Isteri mulanya mahu buat kejutan datang ke sini (Kuantan, Pahang) secara mengejut. Saya hanya tahu semasa mereka sekeluarga ingin memulakan perjalanan," ujar Zulhilmi Ismail Yahya, 23, yang kehilangan isteri, Raja Nurhanani Nabila Raja Hussin, 23, dan bayi, Nik Muhammad Zayyan Irfan, dua bulan, akibat kemalangan di Kilometer 375.8, Lebuhraya Pantai Timur Dua (LPT2), Bukit Besi, Dungun, Terengganu, kelmarin.

Zulhilmi berkata, isterinya, Raja Nurhanani Nabila baru selesai berpantang selepas melahirkan bayi lelaki mereka di kampung halaman di Kampung Semat Jal, Wakaf Bharu, di sini.

Dia ingin kembali ke rumah sewa mereka di Kuantan, Pahang.

"Saya bercadang menjemputnya di kampung selepas

menunggu (Pilihan Raya Negeri) kelak. Saya sudah memberitahu isteri, tetapi tidak sangka mereka sedang dalam perjalanan ke sini (Kuantan).

"Saya tahu kejadian menimpa mereka apabila menerima panggilan daripada nombor tidak dikenali memaklumkan keluarga terbabat dalam kemalangan.

"Walaupun ketika itu belum mengetahui status kesemua ahli keluarga namun naluri saya mengatakan bahawa bayi lelaki kami sudah tiada," katanya ketika ditemui di rumah menantuinya di sini, semalam.

Zulhilmi Ismail berkata, kali terakhir dia berjumpa isteri dan bayi lelakinya, Nik Muhammad Zayyan Irfan adalah pada hari raya Aidiladha lalu.

Katanya, walaupun berjumpa namun mereka sering berhubung menerusi panggilan video.

Kereta terbabas sebelum langgar kotak pembetung

Dungun: Baru habis tempoh berpantang selepas melahirkan bayi. Malangnya Raja Nurhanani Nabila Raja Hussin, 23, dan bayinya, Nik Muhammad Zayyan Irfan Zulhilmi Ismail maut sejurus kereta dinaiki terbabat dalam kemalangan ngeri di Kilometer 375.8, Lebuhraya Pantai Timur Dua (LPT2), dekat Bukit Besi di sini.

Nahas jam 6.25 petang kelmarin turut mengorbankan ibunya, Noreha Mohamed, 53 selain menyebabkan dua adiknya, Raja Haikal Najmi Raja Hussin, 20, dan Raja Nurhumaira Nadzirah Raja Hussin, 17, parah.


Ketua Polis Daerah Dungun Superintendan Baharudin Abdullah berkata, pihaknya menerima lapo-

ran berhubung dengan kemalangan itu kira-kira jam 7.30 malam.

Katanya, ketika kejadian, lima sekeluarga itu dalam perjalanan dari rumah mereka di Kampung Semat Jal, Wakaf Bharu, Kelantan untuk menghantar Raja Nurhanani dan bayinya pulang ke Kem Tentera Darat Batu 10, Kuantan.

"Sebaik tiba di tempat kejadian, kereta Proton Wira yang dipandu Raja Haikal Najmi dipercayai hilang kawalan lalu terbabas sebelum melanggar kotak pembetung yang berada di sebelah kiri jalan lalu terbalik.

"Sepasukan lima anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Berang dipanggil bagi mengeluarkan kesemua mangsa," katanya.



TAJUK : TIGA BERANAK TERJUN TINGKAT 2 ELAK TERBAKAR

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



ANGGOTA bomba memadam kebakaran.

RUMAH dua tingkat jenis separuh kekal di Kampung Sangkir, Kota Belud terbakar sepenuhnya.

Tiga beranak terjun tingkat 2 elak terbakar

Kota Belud: Seorang wanita bersama dua anaknya cedera selepas terjun dari tingkat dua rumahnya di Kampung Sangkir di sini, yang marak terbakar.

Mangsa berusia 46 tahun dan dua anak lelakinya berusia enam tahun dan 14 tahun bagaimanapun mengalami kecederaan di kaki.

Ketua Balai Bomba dan

Penyelamat (BBP) Kota Belud, Muhammad Syazwan Latun berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian kebakaran itu pada jam 1.40 pagi, semalam.

Katanya, seramai lapan pegawai dan anggota

bersama jentera dan Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) digerakkan ke lokasi kebakaran.


"Sebaik tiba di lokasi kebakaran, anggota bomba bertindak mengawal dan memadam kebakaran mengu-

nakan satu aliran, dua pancutan dengan sumber air dari tangki jentera.

"Kebakaran itu memabitkan sebuah rumah dua tingkat jenis separuh kekal terbakar sepenuhnya," katanya.

Menurutnya, mangsa diberi rawatan awal oleh pasukan EMRS sebelum dihantar ke hospital untuk rawatan lanjut.

Mangsa dan dua anak lelakinya mengalami kecederaan di kaki.



TAJUK : WARGA EMAS 'GANAS' DIREMAN ENAM HARI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Warga emas 'ganas' direman enam hari

Kulim: Lelaki warga emas berusia 82 tahun yang ditahan polis kerana menyebabkan kecederaan terhadap pegawai polis di Taman Selasih, semalam direman enam hari bermula semalam.

Ketua Polis Daerah Kulim, Superintendan Mohd Redzuan Salleh berkata, suspek direman sehingga 31 Julai ini untuk membantu siasatan berhubung kes itu.


Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan kerana cubaan membunuh dan Seksyen 380 Kanun Keseksaan kerana mencuri dalam pasar raya.

Dalam kejadian kelmarin, seorang pegawai polis cedera di dada kiri selepas

terkena pisau pemotong kertas yang dihayunkan suspek ketika hendak menahannya di hadapan sebuah rumah di lokasi kejadian pada jam 10.40 pagi.

Terdahulu, polis menerima panggilan daripada seorang pengadu berkaitan suspek yang dikatakan mencuri barangan di sebuah pasar raya.

Bagaimanapun, selepas mangsa memperkenalkan diri sebagai pegawai polis, suspek mengeluarkan pisau dalam raga motosikalnya dan menghayun pada mangsa menyebabkan dada kirinya cedera manakala seorang anggota polis turut cedera di kaki kiri ketika bergelut untuk menahan suspek.



TAJUK : WARGA EMAS BUNUH JIRAN KENA JEL 38 TAHUN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 12

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Warga emas bunuh jiran kena jel 38 tahun

Ipoh: Seorang lelaki warga emas dijatuhi hukuman penjara 38 tahun oleh Mahkamah Tinggi, di sini, semalam selepas didapati bersalah membunuh jirannya yang juga wanita warga emas, tiga tahun lalu.

Hakim Datuk Abdul Wahab Mohamed menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohamad Shahrudin Zakaria, 68, bermula dari tarikh tangkapan tertuduh pada 4 Mei 2020, selepas pihak pembe-

laan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Mengikut pertuduhan, Mohamad Shahrudin didakwa dengan sengaja menyebabkan kematian Zaharah Khalid yang ketika kejadian berumur 77 tahun di sebuah rumah di Kampung Pasir Panjang Laut, Seri Manjung, sekitar pukul 8 malam pada 3 Mei 2020.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut

Seksyen 302 Kanun Keseksaaan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Liyana Zawani Mohd Radzi manakala tertuduh diwakili peguam M Saravanan.

Terdahulu, seorang anak mangsa, Hawa Isa, 48, memberi akuan bersumpah di kandang saksi mahkamah, meminta supaya menjatuhkan hukuman setimpal kepada tertuduh yang disifat-

kan membunuh ibunya secara kejam.

Dalam rayuan bagi meringankan hukuman anaknya, Saravanan berkata pembunuhan Zaharah bukanlah pembunuhan terancang memandangkan berdasarkan pendakwaan, tertuduh memijak mangsa beberapa kali sebelum membawa mayat menggunakan kereta sorong lalu meninggalkannya di sebuah parit.



ANGGOTA polis mengiringi Mohamad Shahrudin (tengah) di Mahkamah Tinggi Ipoh, semalam.



TAJUK : 82-YEAR-OLD ATTACKS COPS WITH BOX CUTTER

HARI : KHAMIS

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

2 INJURED

82-YEAR-OLD ATTACKS COPS WITH BOX CUTTER

He was detained after scuffle; items
allegedly stolen from supermarket seized

ALOR STAR

AN octogenarian was arrested after he injured two policemen, including an officer, with a box cutter outside a house in Taman Selasih, near Kulim, on Tuesday.

Kulim district police chief Superintendent Mohd Redzuan Salleh said the two victims in their 30s suffered chest and leg injuries in the incident.

"At 10.45am, police received a call from a man reporting a theft at a supermarket.

"When officers arrived at the scene, they found that the 82-year-old suspect had fled on a motorcycle.

"The suspect was then seen stopping in front of a house, at which point the police officer introduced himself to the suspect," he said in a statement yesterday.

He added that the suspect then

took a box cutter from the motorcycle basket and swung it at the police officer, injuring him in the chest.

"Police personnel from the Serious Crime Branch of the Kulim district police headquarters' Criminal Investigation Department then tried to arrest the suspect before a scuffle ensued.

"During the scuffle, a policeman sustained injuries on the left leg.

"However, the suspect was successfully arrested, and police seized the box cutter and stolen items."


Checks found that the suspect had three previous convictions and his urine test turned out negative for drugs.

Redzuan said the two policemen were taken to a hospital for treatment.

The case is being investigated under Sections 307 and 380 of the Penal Code. **Bernama**



Kulim district police chief Superintendent Mohd Redzuan Salleh says police confronted the box cutter-wielding suspect after he fled from a supermarket, on Tuesday. PIC TAKEN FROM THE KULIM POLICE FB PAGE



TAJUK : MAN, 68, GETS 38 YEARS FOR WOMAN'S MURDER

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 14

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Man, 68, gets 38 years for woman's murder

By IVAN LOH

ivanloh@thestar.com.my

IPOH: A 68-year-old man has been sentenced by the High Court here to 38 years' jail for the murder of an elderly woman in Kampung Pasir Panjang Laut in Manjung three years ago.

Justice Datuk Abdul Wahab Mohamed ordered Mohamad Shaharudin Zakaria to serve the jail term from the date of his arrest.

Mohamad Shaharudin, who was arrested on May 4, 2020, was spared the whip due to him being more than 50 years old.

The accused, who was first charged at the Manjung Magistrate's Court on May 12, 2020, was said to have murdered

Zaharah Khalid, 77, at a house in Kampung Pasir Panjang Laut on May 3 that year.

He was found guilty by Justice Abdul Wahab on Monday, with the punishment meted out yesterday.

Prior to the sentencing, one of the victim's daughters, Hawa Isa, 48, was called up to give a victim impact statement.

The seventh of 12 siblings said her disabled son missed his grandmother.

"We are all close to our mother, especially my disabled son.

"Until now, he will become uncontrollable whenever he thinks about his grandmother," Hawa said in between sobs.

"After the incident, a lot had been said by the villagers about

my mother, as if she was in the wrong.

"We ask that the accused be given a suitable punishment for what he did to our mother," she added.

When met outside the courtroom, Hawa said the family accepted the decision made by Justice Abdul Wahab.

When seeking the death sentence, deputy public prosecutor Liyana Zawani Mohd Radzi said the victim had been killed mercilessly.

"The accused was a friend of the victim, who was strangled and thrown into a ditch," Liyana Zawani said, adding that the victim's body had numerous injury wounds.

"According to the post-mortem,

the victim was alive when she was in the ditch and had died slowly," she added.


Lawyer M. Saravanan, who represented Mohamad Shaharudin, appealed for a lower sentence due to the accused's age.

"The accused is 68 and if sentenced the minimum 30 years' jail, he will be 98 when he comes out.

"The average lifespan for men in Malaysia is about 70, but how many of us can reach 98?

"The accused is appealing to at least be allowed to spend the rest of his days in jail in peace.

"Do not add to his misery by sentencing him to be hanged because there is a big possibility that he may not be alive on the day of his execution," he said.



TAJUK : SMELLY ROAD TO SCHOOL IS A DUMPSITE

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Smelly road to school is a dumpsite

THE constant smell of rotting trash continues to assail students and residents near two schools in Kuala Kangsar, Perak, as irresponsible parties continue to dump their garbage along the road near SK Clifford and SK Datin Khadijah, reported *Kosmo!*.

Local resident Ahmad Nizar Zuhari, 37, said the stench attracted pests and scavenging animals, further aggravating the situation.

Noriah Ibrahim, a 34-year-old mother who passes through the rubbish-filled road daily, said she felt sorry for the children who had to put up with the stench.

"I hope the culprits can use their common sense and understand that a school area is not a dumpsite," she said, urging for tougher

action against the litterbugs.

> Baby Shima has clarified that she won't be standing in the upcoming state polls after all, claiming it was a joke gone wrong.

According to *Kosmo!*, the popular actress, whose real name is Nor Ashima Ramli, said she did not expect the fanfare she received after she uploaded a video of herself announcing her intention to run in the elections.

"I won't compete, it's just a joke. I did not expect to be taken seriously. I am not inclined to join politics nor is it possible for me as that is not my field of interest," she said, adding that she hoped her video did not cause misunderstanding among the public.

On Tuesday, Baby Shima expres-

sed her interest in running as an independent candidate in the upcoming polls in an Instagram video. The announcement has since gone viral, sparking various discussions online and being reported by numerous news portals and blogs.

> A mother-of-four from Temerloh, Pahang, lost both her ability to walk and her livelihood in four months, reported *Harian Metro*.


Single mother Salliza Yaacob, 47, is now worried for her children after a traffic accident on March 27 left her bedridden, while her restaurant was recently destroyed in a blaze.

"I've mostly been bedridden after I broke my left thigh and injured my calf in the accident. I

am also devastated that the small shop I've been operating since 2012 was razed in a fire on June 15," she said.

Despite facing such adversity, Salliza continues to remain strong and hopes to recover soon.

"I feel very sad and guilty as my children have to take care of me before going to school and when they return home. But I believe this is all a test from God and maybe there will be better sustenance for us in the future once I am able to recover and return to business," she said, adding that she had received assistance of RM200 from the Pahang Islamic Religious and Malay Customs Council in addition to RM300 from the Social Welfare Department.



TAJUK : THREE IN FAMILY KILLED IN CAR CRASH

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Three in family killed in car crash


DUNGUN: Three members of a family, including a two-month-old boy, were killed while two others were seriously injured after the car they were travelling in was involved in a crash at KM375.8, East Coast Highway 2 (LPT2) near Bukit Besi.

The victims who died were Raja Nurhanani Nabila Raja Hussin, 23, her son Nik Muhammad Zayyan Irfan Zulhilmi Ismail and her mother Noreha Mohamed, 53.

Dungun OCPD Supt Baharudin Abdullah said the incident happened at 6.25pm on Tuesday when the car carrying the three victims along with two other family members went out of control and crashed into a sewer box on the left side of the road and overturned.

According to Bernama, he said the family was on their way to send Raja Nurhanani back to her husband's house at Kem Tentera Darat Batu 10, Kuantan, from their village in Wakaf Baru, Kelantan. At the time of the incident, it was dark and the road conditions were also wet.

The bodies of Noreha and Nik Muhammad were sent to Dungun Hospital while Raja Nurhanani's body was sent to Hulu Terengganu Hospital for a post-mortem.



TAJUK : WOMAN AND TWO SONS JUMP FROM SECONF FLOOR OF BURNING HOUSE

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Woman and two sons jump from second floor of burning house

By **DURIE RAINER FONG**
newsdesk@thestar.com.my

KOTA KINABALU: A woman and her two sons had to jump out from the second floor of their burning home in Sabah's northern Kota Belud district.

The 46-year-old mother and her sons, aged 14 and six, suffered minor injuries to their legs in the incident yesterday at Kampung Sangkir.

Kota Belud Fire and Rescue chief Muhammad Syazwan Latun said they were alerted of the fire at 1.40am.

A team of eight firefighters and an Emergency Medical Rescue Services (EMRS) unit rushed to the location.

"However, the two-storey house was completely razed," he said when contacted.

He said the victims told firefighters they were forced to leap out from the burning house.

"Our EMRS unit gave the three first-aid treatment on site before rushing them to hospital," Syazwan said.

He said the fire was brought under control at about 3am, adding that the operation ended 28 minutes later.

"We are trying to ascertain the

cause of the fire and assess the damage," he added.

In another incident, six inter-connected workers quarters belonging to the Public Works Department (JKR) were destroyed in a fire at Kota Marudu district, about 120km from here, on Tuesday night.

There were no casualties in the 10.40pm incident in Jalan Korongkom.

Kota Marudu fire station chief Mohd Hasbi Hajat said a distress call was received at 10.47pm.

In an unrelated case, patients and medical staff were evacuated following an ammonia gas leak at a rural clinic in the east coast Semporna district yesterday.


A department spokesman said they were informed of the leak at 11am.

"The leak was detected on a medical freezer used to store medicines at Klinik Desa Tagasan. But there were no victims involved as the patients and medical staff evacuated the premises upon smelling gas," he said.

On reaching the scene, he said, firefighters went on to isolate the faulty equipment and carry out the decontamination procedure.



Burnt down: Firemen dousing the flames at the house in Kota Belud.



TAJUK : COUPLE ACQUITTED OF DRUG CHARGE

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



Muhammad Yasmi and his wife at the High Court in Ipoh yesterday. – BERNAMAPIC

Couple acquitted of drug charge

IPOH: A married couple wept tears of joy and relief yesterday when the High Court acquitted and discharged them of trafficking drugs three years ago.

Judge Datuk Abdul Wahab Mohamed made the decision after the prosecution failed to prove a prima facie case against Muhammad Yasmi Mohammad Yasin, 48, and his wife Rossuhili Ikhsan, 47.

They were charged with trafficking 10.9g of heroin and 9g of monoacetylmorphine at a house in Jalan Melati, Kampung Sri Klebang in Chemor, Kinta on Sept 27, 2020.

When police raided the house, a black

plastic package was found on the floor together with a digital weighing scale, a transparent plastic package containing empty plastic containers and some other equipment.

The duo, who were self-employed, were charged under Section 39B (1) (a) of the Dangerous Drugs Act 1952, punishable under Section 39B (2) of the same Act, that carries the death penalty.

The prosecution was conducted by DPP Saifulakmal Mod Said, while the accused were represented by Mohamad Hafiz Jalaludin.

Six witnesses were called to testify since the trial began in October last year. – Bernama



TAJUK : WOMAN IN FINAL BID TO CHALLENGE MUSLIM STATUS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 27 JUL 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Woman in final bid to challenge Muslim status

PUTRAJAYA: The Federal Court has set Oct 13 to hear an appeal by a woman, aged 37, to overturn a Court of Appeal verdict reinstating her as a Muslim.

Lawyer A. Surendra Ananth, representing the woman, said the hearing date was fixed following case management held on Monday.

The woman was given leave on May 22 to proceed with her appeal in the Federal Court on six legal questions.

The Court of Appeal, in a 2-1 majority decision on Jan 13, allowed the appeals brought by the Selangor Islamic Religious Council and the state government to reinstate the woman as a Muslim.

The Shah Alam High Court on Dec 21, 2021 allowed the woman's suit, declaring that she was not a Muslim.

In her originating summons, the woman, who was born a Hindu to a Hindu father and a Buddhist mother, said she was turning five in

1991 when her mother unilaterally converted her as her parents went through a divorce. Her mother then married a Muslim man in 1993 and her father passed away three years later.

According to the woman, her mother and stepfather allowed her to continue practising the Hindu faith, and that she had never professed Islam.

The woman filed a summons on Dec 12, 2013 at the Kuala Lumpur Syariah High Court for a declaration that she was no longer a Muslim. The court dismissed her summons on July 20, 2017 and the Syariah Court of Appeal dismissed her appeal on Aug 1 the same year, prompting her to file a civil suit at the High Court.

Judge Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali, who delivered the majority verdict, said the Syariah High Court and Syariah Court of Appeal had made the decision that she is still a Muslim, thus it was a renunciation case under the Syariah Court's jurisdiction. - Bernama